

65

SOALAN NO: 34

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
KAWASAN : STAMPIN
TARIKH : 14 MAC 2018, RABU**

SOALAN:

YB TUAN JULIAN TAN KOK PING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan 5 "*flyover*" mengikut projek Pan Borneo Highway di Kuching iaitu di Batu 4, Batu 6, Batu 7, Batu 9 serta Batu 10. Nyatakan jangka masa siap, pelan terkini, syarikat-syarikat yang terlibat dan peranan setiap syarikat tersebut termasuk jumlah yang akan dibayar mengikut kontrak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persimpangan bertingkat di Batu 4, Batu 6, Batu 7 dan Batu 10 di kawasan Kuching merupakan sebahagian daripada skop pembinaan bagi pakej Persimpangan Bintangor ke Sungai Kua oleh Samling Resources Sdn. Bhd. selaku Work Package Contractor (WPC) yang dilantik. Manakala persimpangan bertingkat di Batu 9 tidak termasuk di dalam skop pembinaan pakej tersebut. Anggaran kos pembinaan bagi 4 persimpangan tersebut adalah RM153 juta dan kerja – kerja pembinaan dijangka siap pada awal tahun 2021.

Sekian, terima kasih.